

Jumlah keseluruhan pembinaan akan berubah sekiranya laporan penyiasatan ada kekurangan

Laporan geoteknikal tingkat kos pembinaan di KL

Oleh **NURUL NABILA AHMAD HALIMY SHAH ALAM**

Penguatkuasaan keperluan laporan geoteknikal daripada jurutera bertauliah untuk projek pembinaan di Kuala Lumpur berpotensi meningkatkan kos perundingan serta kos keseluruhan pembinaan.

Isu susulan syarat baharu yang dikeluarkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang berkuat kuasa serta-merta rentetan insiden tanah jerlus yang menyebabkan seorang wanita warga India terjatuh sedalam lapan meter di Jalan Masjid India pada 17 Ogos lalu.

Presiden Persatuan Kontraktor Infrastruktur dan Pengurusan Fasilitas Bumiputera, Datuk Seri Dr Arifuddin Mohamed Shah berkata, sekiranya ada kekurangan pada laporan penyiasatan yang memerlukan kerja tambahan seperti pengukuhan atau penimbunan tanah, ia boleh melibatkan pembiayaan besar dan akan mempengaruhi jumlah keseluruhan kos pembinaan bangunan.

"Kami amat mengalu-alukan usaha Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif untuk menambah baik prosedur yang sedia ada dan memastikan supaya pembinaan di Kuala Lumpur berintegriti tinggi.

"Namun seperti sedia maklum laporan geoteknikal itu sudah wujud di bawah tanggungjawab konsultan perunding struktur awam dalam bahagian penyiasatan tanah (*soil investigation*). Sejauh mana perincian laporan tersebut perlu diperhalusi lagi.

"Jika ada tambahan laporan, mungkin akan ada sedikit penambahan pembiayaan dari segi kos perundingan yang mana ia menjadi tanggungjawab pemaju dan pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk melaksanakan perkara tersebut," katanya kepada *Sinar Premium*.

Tambahnya, penyiasatan tanah itu adalah untuk tempoh jangka pendek, tetapi apabila melibatkan pembangunan yang telah lama bertapak di situ, faktor-faktor seperti penyelenggaraan bangunan juga penting untuk memastikan infrastruktur berfungsi dengan baik sepanjang hayat.

Arifuddin yang juga merupakan Ahli Lembaga Pemegang Amanah, Institut Penyelidikan Pembinaan Malaysia (CREAM) berkata, tempoh penyelesaian projek pembinaan yang kini memerlukan laporan geoteknikal daripada jurutera bertauliah itu bergantung kepada cara perolehan yang dipilih.

"Untuk projek bernilai RM50 juta ke bawah, perunding dilantik secara terus daripada panel sedia ada. Hanya projek bernilai RM50 juta ke atas memerlukan perunding melalui kaedah sebut harga atau tender.

"Namun ada cadangan daripada sebahagian pemain industri supaya kontrak pembangunan bernilai RM50 juta ke atas seharusnya dilantik secara terus kerana proses sebut harga itu boleh memakan masa yang lama.

"Malah kadar bayaran perunding sudah ditetapkan dan diterima, jadi tidak perlu melalui proses sebut harga. Dengan adanya kadar yang telah ditetapkan ini, proses dapat dipercepatkan kerana tidak perlu menilai semula panel yang layak," katanya.

Mulai 1 September, permohonan kebenaran merancang untuk pembinaan bangunan di Kuala Lumpur perlu disertakan dengan laporan geoteknikal yang disediakan oleh jurutera bertauliah.

Syarat ini terpakai kepada permohonan yang sudah ada kelulusan tetapi *development order* (arahan pembangunan) belum dikeluarkan, permohonan yang masih dalam proses dan permohonan yang akan dikemukakan.

Dalam pada itu, Presiden Persatuan Kontraktor Kelas F Bumiputera Malaysia (Perkobf), Tukiman Radion berpandangan penguatkuasaan baharu itu adalah



ARIFUDDIN

TUKIMAN

wajar dan mungkin bertujuan untuk memperingatkan pihak terlibat yang lalai dalam pembinaan bangunan tinggi.

"Setiap bangunan tinggi yang hendak dibina akan dikenakan pemeriksaan di kawasan tersebut kerana ia memerlukan kerja penumpuan tanah. Oleh itu, pembina perlu mengenal pasti keadaan muka bumi atau bahagian bawah tanah di kawasan yang akan dibangunkan.

"Mereka perlu melaporkan kedalaman penumpuan tanah dan sejauh mana ke-

dalaman yang telah dipenuhi supaya jika berlaku sebarang masalah, laporan tersebut boleh digunakan untuk memeriksa sama ada pihak pembina mematuhi peraturan yang ditetapkan atau tidak," ujarnya.

Walau bagaimanapun, Tukiman berkata, untuk bangunan rendah atau pembuatan jalan, pemeriksaan hanya perlu dilakukan secara kasar.

"Contohnya jika terdapat paya di kawasan yang perlu dikambus, kaedah penumpuan atau pengukuhan tanah biasanya tidak memerlukan kaji selidik muka bumi di kawasan tersebut. Begitu juga untuk pembinaan bangunan rendah atau dua tingkat.

"Untuk keselamatan bersama, saya ingin menasihatkan orang ramai supaya berjalan di kaki lima bangunan kerana ia mempunyai struktur lebih kuat. Kaki lima biasanya menggunakan konkrit bertulangan besi yang menjadikannya kukuh dan tidak mudah runtuh berbanding struktur jalan yang boleh menyebabkan tanah jerlus ke bawah," katanya.

PREMIUM
Sinar
Eksklusif dan Kritis



Penguatkuasaan keperluan laporan geoteknikal daripada jurutera bertauliah untuk projek pembinaan di Kuala Lumpur berpotensi meningkatkan kos perundingan serta kos keseluruhan pembinaan.